

12 MAY 2000

Mahathir-Umno

MENGEJEK BUKAN SATU CIRI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Perbuatan mengejek (boo) orang, bukan merupakan ciri perhimpunan agung Umno dan para perwakilan patut dapat menerima sebarang perubahan dalam kepimpinan parti, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bercakap pada sidang media pada penutup hari kedua perhimpunan agung Umno di sini hari ini, beliau berkata agak malang sekali Ketua Pergerakan Wanita yang baru Datuk Rafidah Aziz telah diejek.

"Telah berlaku perubahan dalam kepimpinan dan mereka yang tewas patut mampu menerima perubahan itu sama seperti dulu ketika berlaku perubahan dalam kepimpinan, pihak yang kalah tidak pula mengeboo orang yang baru dipilih itu," katanya.

Rafidah menewaskan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman bagi jawatan ketua Wanita dengan majoriti 12 undi.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu diboo setiap kali namanya disebut pada perhimpunan itu.

Dr Mahathir ketika ditanya sama ada para perwakilan yang mengeboo Rafidah berbuat demikian kerana diprovokasi untuk berbuat demikian "nampaknya mereka melakukan perbuatan itu bersama-sama...mungkin ada beberapa pandangan...pandangan ikhlas".

Rafidah sebelum itu dilaporkan sebagai berkata bahawa ejekan itu adalah kerana sesetengah perwakilan tidak sukakannya kerana beliau mencadangkan calon-calon yang bertanding, menandatangani deklarasi untuk tidak berkempen.

-- BERNAMA

SHO ZKS LAT